

GEMPAK.

WEEKLY EDITION



MAKNA LEBARAN

Fuji :

“ORANG YANG BERGADUH BOLEH BERBAIK...”

FUJI

Mempunyai sebanyak 19.7 pengikut di media sosial Instagram, tidak hairan bagaimana populariti dan kemahsyuran seorang gadis berusia 22 tahun membawa banyak keuntungan buat dirinya.

Fujianti Utami yang mesra disapa Fuji pada awalnya hanya seorang remaja biasa yang mendadak disukai rakyat Indonesia kerana menjadi pengganti buat Allahyarham abangnya, Bibi Ardiansyah dan artis Vanessa Angel yang meninggal dunia beberapa tahun silam.

Fuji dilihat menjadi sosok yang sangat disenangi anak pasangan itu, Gala. Sejak disorot media tempatan dan warganet kerana sikap baiknya, karier Fuji sebagai seorang pengengaruh terus berkembang.

Malah kini populariti gadis yang pernah dikaitkan menjalin hubungan dengan adik YouTuber terkenal, Atta Halilintar iaitu Thariq Halilintar telah menular ke Malaysia.

Fuji secara tak sengaja menarik perhatian umum selepas pengengaruh terkenal dari Malaysia, Aisar Khaled melahirkan hasrat berkenalan sebelum membikin konten bersama.

Sejak itu Aisar dan Fuji selalu cuba dijodohkan. Namun kata Fuji hubungan mereka hanya sebatas kawan.

"Saya mula kenal Aisar ketika di pertandingan tinju abang saya, (Fadly) dengan dia tapi sebelum itu juga pernah lihat video dia sebelum ini ketika di sebuah podcast.

'Kami hanya kawan, kami berteman baik, jaga silarutahmi dengan baik,' katanya.

Pun Fuji mengaku kalau Aisar sebagai seorang lelaki kakak, tinggi dan bekerja keras.

Dan umpama 'berkat' kisah mereka, rezeki Fuji di Malaysia mula mengalir. Dia terlibat dengan kempen Greet HijabistaHub x Tune Talk Raya Paling Epik sempena Aidilfitri tahun ini.

"Saya bersyukur, tidak sangka tiba-tiba nama meledak di Malaysia, saya sangat teruja dan gembira dapat rezeki di negara jiran ini," katanya lagi.





Penggemar Opor Ayam

Diajak berbicara mengenai sambutan Lebaran, Fuji menyifatkan sambutan Hari Raya Aidilfitri sebuah ganjaran kemenangan kepada umat Islam kerana telah berjaya menundukkan hawa nafsu dalam bulan Ramadan.

"Hari Raya Aidilfitri ini adalah hari kita bermaafan dan meraikan setelah satu bulan berpuasa, menahan hawa dan nafsu," ujarnya.

Selain berkumpul dan mengeratkan hubungan bersama keluarga, Fuji juga menyifatkan Hari Raya merupakan waktu yang terbaik untuk saling bermaafan dan meleraikan sengketa antara satu sama lain.

"Hari kita bersilaturahmi bersama keluarga dan bertemu dengan orang yang sudah lama tidak berjumpa.

"Orang yang mungkin ada perselisihan faham, bergaduh mungkin boleh berbaik semula selepas berjumpa di hari raya. Itu merupakan kesempatan yang baik," katanya.

Dalam pada itu, bercakap mengenai juadah kegemaran ketika lebaran, Fuji merupakan seorang yang sangat gemar akan kuih-kuih kering tradisional dan juga hidangan asal Jawa Tengah iaitu Opor Ayam.

"Biasanya kuih-kuih kering seperti Nastar (tart nenas), Kastenger (biskut keju) kalau makanan ketupat sahaja dengan Opor Ayam," kata si manis itu.



Uncle Mike Sambut Aidilfitri di KL, Kongsi Rutin Pagi Raya



Uncle Mike atau Michael Tong Wai Siong, yang menjaga tiga anak yatim piatu sejak 17 tahun lalu, berkongsi rutin Aidilfitri mereka.

Lelaki berusia 56 tahun itu menyambut raya di Kuala Lumpur bersama anak-anak dan cucu, beraya ke rumah rakan serta menziarahi datuk di Klang.

"Kami sambut raya di KL saja. Seperti kebiasaan, pagi raya anak-anak pergi solat raya dan kemudian bersalam-salaman di rumah. Kami juga ada menziarahi rumah datuk yang memang setiap tahun sejak 17 tahun kita pergi. Lepas itu, beraya di rumah kawan-kawan yang berada di Kuala Lumpur," katanya kepada Gempak.

Sementara itu, salah seorang anak angkatnya, Rasyid, berkongsi pengalaman bermain bunga api bersama anak saudara kerana mereka menetap di apartment.

"Kenangan raya masa kecil, sudah tentu paling best dapat duit raya. Kami tak main mercun waktu raya tapi selalunya main mercun waktu Chinese New Year saja. Sebab kami pun duduk rumah apartment, jadi susah la nak main mercun. Tapi ada la main bunga api bersama anak buah," ujarnya.

Kisah Uncle Mike mendapat perhatian ramai apabila beliau mengambil tiga anak angkat Melayu yatim piatu, Rafei Ahmad Fauzi dan dua adiknya, Rasyid serta Abdul Rahman. - ASYIKIN MAYUDIN

Siti Nurhaliza Sambut Raya Sederhana, Utamakan Anak-Anak



Biduanita Negara, Datuk Seri Siti Nurhaliza menyambut Aidilfitri di Kuala Lumpur sebelum pulang ke kampung di Kuala Lipis, Pahang.

Mengenai persiapan raya, beliau turut membeli baju secara atas talian selain memakai semula pakaian lama.

"Persiapan raya saya setiap tahun sama saja. Tapi yang lebih saya fokus adalah anak-anak saya. Mesti kena ada baju yang match (sedondon) dengan ibu dan ayah.

"Untuk baju raya tak banyak pun, ada la termasuk dengan baju yang saya dah pernah pakai. Sebab ada baju yang saya pakai berulang juga. Cuma baju baru mungkin dalam tujuh saja.

"Saya pun ada baju-baju yang saya beli atas talian. Saya beli online juga sebab nak pakai sebulan kan," katanya kepada Gempak.

Tambahnya, beliau berasa 'sayang' jika baju hanya dipakai sekali.

"Masing-masing ada pilihan kan, terpulang... tapi untuk saya, rasa sayang kalau pakai baju itu hanya sekali. Sekurang-kurangnya pakai la dua kali. Paling banyak pun, saya pernah pakai baju raya tiga kali.

"Masa itu, orang dah lupa la. Saya pakai semula untuk acara-acara macam bukan hari raya la, macam majlis kenduri kesyukuran ke, perkahwinan ke," tambah beliau.

- ASYIKIN MAYUDIN



Saat Badai Merobohkan Cinta Diana - Farid & Edika - Hidayah

Bukan sehari dua tetapi 22 tahun berkongsi hidup ; melalui episod demi episod kehidupan daripada sebagai pasangan suami isteri yang hidup normal sebagai pasangan lain sehingga pengorbanan dilakukan demi cinta terhadap pasangan yang diuji dengan sakit lumpuh.

Namun kini rumah tangga pelakon Edika Yusof yang menjaga isterinya yang lumpuh separuh badan selepas melahirkan anak mereka, Nor Hidayah Yusri sedang dilanda badai.

Cinta sejati mereka sedang diuji. Jika tidak masakan secara tiba-tiba Hidayah, 47, memfailkan tuntutan cerai terhadap Edika, 58, di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan pada Februari lalu.

Tanpa mendedahkan secara terperinci asbab dirinya mahu dilepaskan lelaki yang pernah tidur sebentar selama lebih dua dekad dengannya itu, Hidayah mengaku sudah tidak mempunyai kesefahaman bersama Edika. Mereka juga sudah tidak tinggal bersama.

Kepada media, bintang filem XX Ray itu mengatakan tiada polemik yang serius terjadi di antara dirinya dengan Hidayah.

"Kami cuba berbincang tidak ada yang serius. Mungkin ada yang tidak sekufu bagi pihak dia," ujar Edika menerusi kiriman WhatsApp.

Tanggal 23 April 2025 akan menjadi sangat penting buat keduanya kerana ditetapkan oleh mahkamah sebagai tarikh sebutan semula kes setelah Edika tidak menghadiri sesi pertama awal minggu ini.

Diana - Farid Cerai Lagi

Sementara bagi pasangan Farid Kamil dan Diana Danielle akhirnya mencapai kata sepakat apabila berpisah buat kali kedua. Ini merupakan perceraian kedua pasangan yang pernah bercerai pada 2023 sebelum rujuk dan kembali mengakhiri rumah tangga mereka pada Selasa lalu.

Kali ini Farid tidak lagi bermain dalam 'drama' panjang pujuk-memujuk. Dilepaskan wanita yang pernah dicintai dengan reda dan sempat bersalaman sebaik rasmi bercerai.

Dengan dua kali perceraian, mereka tetap sepakat menjadi ibu dan bapa buat dua anak mereka dan tidak akan bergaduh hak penjagaan demi kesejahteraan semua. Anak-anak kata Diana selain menyambut Lebaran dengan Farid, mereka bebas bersama siapa yang diingini.

Melihat perceraian kali kedua Diana dan Farid yang lebih tenang barangkali benar kata pepatah cinta tidak semestinya bersatu. - MALIAH SURIP



3 Jenama Terkait Isu Plagiat, Siapa Ciplak Siapa?



nak cakap coincidence tu susah sangat, nak husnuzon pun susah sangat

Industri fesyen tempatan pada minggu ini menjadi kecoh dengan isu ciplak rekaan sempena keluaran khas Aidilfitri.

Jenama fesyen tempatan yang terlibat dengan isu ciplak ini adalah Elrah Exclusive yang didakwa telah mengambil rekaan sampling milik suami pempengaruh terkenal, Tyra Kamaruzzaman yang juga seorang pereka fesyen, Emran Rijal.

Isunya, Elrah didakwa meniplak rekaan sampling dengan sepasang keris yang telah dipatenkan oleh keluarga Emran. Lalu Elrah menafikan dakwaan koleksi Sampling Raya Elrah Exclusive 2025 adalah hasil ciplak sebagai tidak berasas selain menyifatkan motif keris sudah lama wujud dalam seni tekstil Melayu.

Selain Elrah Exclusive, berikut antara jenama yang pernah dikaitkan dengan isu ciplak.
- MALIAH SURIP



Tudung dUCK

Pada tahun 2020, jenama tudung terkenal dUCK pernah berdepan isu sama selepas didakwa meniplak rekaan tudung seorang anak seni tempatan, Sleepyllama.

Diberi nama Artsy dUCK, sehelai tudung tersebut dijual pada harga RM200.

Sleepyllama menerusi perkongsian di Instagram menampilkan bukti telah mengeluarkan patern tudun yang sama sekitar dua tahun lalu.

Namun pengasasnya, Datuk Vivy Yusof menafikan dakwaan telah meniplak hasil rekaan orang lain.



Keffiyeh Lima Segi

Pereka tempatan yang dikenali dengan jenama Lima Segi berdepan isu ciplak tudung jenis keffiyeh pada tahun 2024.

'Rompakan idea' itu disedari oleh perejanya sendiri, Sarah Musa yang menyifatkan rekaan tudung suteranya yang bermotifkan bunga kebangsaan Palestin iaitu bunga popi telah diciplak jenama tersebut.

Lima Segi yang menghasilkan keffiyeh tersebut dalam beberapa warna malah menjualnya dengan harga yang agak mahal iaitu RM429 sehelai.

Namun selepas menerima kritikan hebat, pengasas jenama tersebut menarik semula semua keffiyeh yang diciplak daripada pasaran.



Pembungkusan Tisu Pembersih SimplySiti

Syarikat produk kosmetik dan kecantikan yang diasaskan Datuk Seri Siti Nurhaliza, SimplySiti juga pernah berdepan isu kurang enak ini pada tahun 2021.

SimplySiti didakwa oleh pengasas syarikat Kayman Beauty sebagai telah meniplak pembungkusan produk tisu pembersih yang didakwa serupa seperti miliknya.

SimplySiti menjelaskan tidak berniat untuk meniru mana-mana produk atau rekaan pembungkusan tisu pembersih terbabit.

Selain memohon maaf, SimplySiti juga menyatakan amat menghormati syarikat-syarikat dan pengeluar produk lain serta mahu bersaing secara sihat di dalam perniagaan.

Budi Perkerti Mulia Anzalna Nasir Di Bawa Mati

Kelibat Anzalna Nasir sebagai seorang pelakon di kaca televisyen sudah tidak dilihat dengan kerap selepas dia menikahi kekasihnya, Hanif Zaki pada 2016.

Namun pelakon cantik yang telah dikurniai dua cahayamata ini mencuri tumpuan dengan cara yang berbeza ; jika dahulu dikenali kerana bakat lakonan, kini Anzalna disifatkan warga maya sebagai seorang yang baik hati dan pemurah.

Semuanya bermula tanpa Anzalna sendiri mempunyai niat untuk menunjuk-nunjuk. Meski ada dalam misi pertolongannya terhadap golongan kurang bernasib baik dikongsikan namun dapat terlihat dengan jelas keikhlasan bantuan yang dihulur.

Sama seperti yang dilakukannya menjelang beberapa hari lagi Aidilfitri. Menerusi perkongsian di akaun media sosialnya hujung minggu ini, Anzalna meneruskan sikap prihatin dengan sangat sederhana apabila menyantuni sekeluarga yang terbatas ekonomi apabila membawa mereka membuat persiapan raya termasuk membeli baju baharu.

Lebih mengagumkan selain memborong semua jualan kuih raya, tanpa rasa sangsi, dia juga membawa keluarga ini pulang ke rumahnya sementara menanti suami kepada wanita dibantu mengambil mereka.

"Selepas shopping mereka mahu sambung meniaga tapi saya tidak beri kerana sudah hampir maghrib. Saya kata saya beli semua kuih yang dijual.



"Saya bawa mereka pulang ke rumah sementara tunggu suaminya datang ambil. Suruh duduk atas sofa pun tak mahu. Segan. Hampir waktu berbuka suaminya sampai mahu bawa pulang tak sempat berbuka sama.Saya bungkuskan makanan yang sudah disediakan untuk mereka bawa pulang," coret Anzalna di Instagramnya.


Malah dapat dilihat bagaimana dengan lembut Anzalna menyantuni keluarga ini apabila anak-anak kecil diberi kebebasan bermain permainan kepunyaan anaknya yang ada di dalam rumah.

Namun kata Anzalna dia menangis apabila keluarga tersebut menolak untuk dihantar pulang.

"Saya nak hantar tidak mahu, mahu ambikan grab juga ditolak. Saya pujuk sebab mana mungkin nak bawa beg besar dan mereka naik motor. Tapi ditolak.

"Menangis saya masuk rumah sebab gagal bantu. Saya sangat bersyukur kerana telah telah dipertemukan dengan orang baik dan tinggi budi pekerti," katanya lagi.

Keikhlasan Anzalna telah mendapat pujian dan ramai yang mendoakan pelakon itu bersama keluarganya terus murah rezeki. Anzalna, budi pekerti mulia anda di bawa mati. - MALIAH SURIP





Pengarah: Azhar Kanoi Lubis

Pelakon: Arla Ailani, Adzana Shaliha, Endy Arfian, Raihan Khan

Genre: Seram

Sekumpulan remaja SMA mendaki Gunung Gede, namun gangguan mistik mula menghantui Maya, watak utama yang berdegil meneruskan pendakian walaupun melanggar pantang larang gunung itu. Maya dirasuk semakin teruk, dan selepas pulang ke rumah, dia mengalami gangguan misteri sehingga perutnya membuncit secara aneh, membawa kepada kematian tragisnya. Sahabatnya, Ika, menyedari ada rahsia di sebalik kejadian itu selepas mendapat mimpi aneh. Hasil penyiasatannya membongkar rahsia hitam yang mengejutkan, melibatkan keluarga Maya dan misteri gunung tersebut!



Pengarah: Chad Vidanes

Pelakon: Kim Chiu, Paulo Avelino, Wilma Doesnt

Genre: Romantik, Komedi

Sari, seorang wanita yang yakin dirinya terkena sumpahan kerana setiap lelaki yang dicintainya pasti menghilang.

Kemudian muncul Jolo, seorang tuan rumah yang berdepan dengan masalah kompleks.

Takdir menemukan mereka ketika mereka berjuang untuk menyelamatkan sebuah komuniti daripada kehilangan tempat tinggal. Namun, sumpahan yang dipercayai Sari mula mengancam hubungan yang baru berputik antara mereka.



Pengarah: Emilka Bias

Pelakon: Masayu Anastasia, Ricky Komo, Fajri Mambutu

Genre: Komedi, Drama

Mengisahkan seorang wanita bernama Devi yang percaya bahawa ayah kandungnya adalah pelakon lagenda Bollywood, Amitabh Bachchan. Sejak kecil, Devi sering mengenakan pakaian tradisional India dan sentiasa berharap dapat bertemu dengan ayahnya, Amitabh Bachchan. Disebabkan kebiasaannya yang luar biasa itu, Devi sering diejek oleh rakan-rakannya kerana dianggap pelik apabila mengenakan pakaian India ke mana sahaja dia pergi. Apabila meningkat dewasa, Devi akhirnya mengambil keputusan untuk mencari ayahnya di India. Dalam perjalanannya, dia mengembara ke pelbagai tempat, termasuk Mumbai dan Kathmandu. Namun, perjalanan Devi bukanlah sesuatu yang mudah. Dia terpaksa menghadapi pelbagai cabaran, baik dari segi emosi mahupun fizikal.

Gempak Jam Session Raya: Den Manjo, Nabila Razali Duet 'Raya Mana' Versi Kelantan

Penyanyi Nabila Razali muncul dengan lagu raya "Raya Mana" versi Kelantan berduet bersama Den Manjo.

Menurut Nabila, dia sedikit gementar menyanyikan versi ini kerana tidak fasih loghat Kelantan, walaupun sudah berkahwin dengan suami dari Pantai Timur.

"Saya agak gementar kerana loghat Kelantan bukan bahasa pertama saya. Tapi saya cuba yang terbaik, dan minta tunjuk ajar dari Den," katanya.

Den pula berasa bangga dapat berkolaborasi dengan Nabila, menyifatkan penyanyi itu sebagai seorang yang mudah bekerjasama.


"Saya bangga menjadi antara penyanyi Kelantan pertama yang berduet dengan Nabila. Dari perbualan awal hingga sesi rakaman, semuanya berjalan lancar," katanya kepada Gempak.

Bagi Den, projek ini satu pencapaian besar dalam kariernya.

"Ini adalah kolaborasi terbesar saya setakat ini, dan saya berharap dapat terus berkarya dengan lebih ramai artis," ujarinya.

Sebelum ini, Nabila turut mencuri perhatian apabila menerjemahkan lagu 'Raya Mana' ke dalam bahasa isyarat, manakala Den Manjo terkenal menerusi lagu 'Cinta Setandan Pisang' bersama Eda Ezrin, ciptaan Eddie Hamid dan terbitan Kijang Music.

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO.





Astro Shaw, Mirinda Raikan Ramadan Bersama Anak Yatim

Astro Shaw dan Mirinda meraikan 40 anak yatim dari Pertubuhan Kebajikan Ehsan Ash-Shakur dalam majlis berbuka puasa yang penuh kasih sayang.

Sumbangan duit raya dan hamper turut diberikan, dengan kehadiran barisan pelakon Keluang Man, Abah Saya Uncle Mike, One Cent Thief 2, dan First Wives.

Mirinda juga melancarkan treler raya Balik Rayaaahhh untuk Abah Saya Uncle Mike.

Antara aktiviti lain, peminat berpeluang bertemu selebriti di Mirinda Riang Raya, menyertai uji bakat drama Bad Cop, serta memenangi RM260,000 e-Duit Raya.

Nantikan Keluang Man (29 Mei), Abah Saya Uncle Mike (Ogos), dan First Wives (11 April) di Astro Ria & Astro Go.

Astro & Zayan Santuni Warga Emas, Kongsi Rezeki Ramadan

Astro melalui Zayan menganjurkan berbuka puasa dan edaran 1,500 pek bubur lambuk di Pusat Jagaan Mahmudah, disertai selebriti seperti Zizan Razak, Hun Haqem, Anna Jobling, Alif Satar dan penyampai radio dari Zayan, Hitz, Mix serta Lite.

Bertemakan Pengorbanan Kerana Cinta, program ini mengangkat nilai kasih sayang dan pengorbanan menerusi drama Seribu Tahun. Adabi turut menyumbang Bakul Ceria Adabi dan duit raya.

Menurut Pengurus Jenama Zayan, Wan Syahrul Amry, inisiatif ini menyantuni golongan memerlukan dan menyebarkan kegembiraan Syawal.



“Black Never Go Wrong” – Abu Shaef Hamza Tampil Dengan Koleksi Raya 2025

Pereka fesyen terkenal, Abu Shaef Hamza, mempersembahkan koleksi busana raya eksklusif yang menampilkan identitinya melalui warna hitam sebagai pilihan utama.

Selain hitam, koleksi ini turut mengetengahkan warna trending seperti coklat dan gangsa yang membawa emosi tersendiri.

Menurut Abu, pertunjukan fesyen ini menjadi penutup bagi koleksi busana raya tahun ini, dengan setiap rekaan hanya mempunyai satu helaian bagi mengekalkan keunikan dan nilai eksklusifnya.

Abu Raya Collection 2025 menggabungkan elemen tradisional dan moden dalam lebih 50 helai busana lelaki dan wanita, dengan pelancaran rasmi dijadualkan pada 1 Mei nanti.

Yayasan Nurjiwa Santuni Golongan Memerlukan

Yayasan Nurjiwa bersama Yayasan Prihatin dan Cuckoo menganjurkan Majlis Silaturahmi Ramadan bagi meraikan anak yatim, pelajar tahfiz, penggiat seni dan pengamal media yang memerlukan.

Seramai 30 anak yatim dari PPR Desa Rejang dan 50 pelajar Maahad Tahfiz Al-Quran Al-Islah menerima sumbangan duit raya, baju raya dan bag makanan, manakala 30 penggiat seni serta pengamal media turut mendapat bantuan kewangan dan sumbangan barangan.

Cuckoo juga menyumbangkan tiga unit penapis air kepada sekolah dan pusat tahfiz sebagai sebahagian daripada usaha kebajikan ini.

Yayasan Nurjiwa mengajak orang ramai menyertai Program Sedekah Nurjiwa, inisiatif amal berterusan dengan sumbangan bulanan serendah RM30 atau tahunan, yang layak mendapat pengecualian cukai. Yayasan juga mempertimbangkan perlindungan insurans bagi penyumbang. Penyertaan boleh dibuat melalui www.Nurjiwafoundation.com atau imbasan QR kod.





Financial Faiz

@financialfaiz 

Ramai Silap! Ini Sebab Kenapa Jangan Bayar Loan Rumah Guna KWSP

Pendidik kewangan, Faiz Azmi menasihatkan orang ramai agar tidak menggunakan simpanan dalam Akaun Sejahtera Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk membayar balik pinjaman rumah kerana langkah tersebut tidak berbaloi dari segi kewangan. Ramai yang beranggapan bahawa dana KWSP boleh membantu menjimatkan faedah atau keuntungan yang dikenakan bank.

Namun, dia menegaskan bahawa keuntungan daripada simpanan dalam KWSP sebenarnya jauh lebih menguntungkan berbanding penjaminan kadar faedah pinjaman.

"KWSP baru sahaja mengumumkan kadar dividen 2024 sebanyak 6.3%. Saya nak anda lihat berapa kadar faedah pinjaman rumah anda. Adakah ia setinggi 6.3%? Selalunya kadar pinjaman perumahan hanyalah sekitar 4% sahaja," jelas Faiz.

Jika seseorang menggunakan wang KWSP untuk membayar balik pinjaman rumah, mereka akan kehilangan peluang menikmati pulangan yang lebih tinggi daripada dividen KWSP.

Faiz turut mengulas mengenai kebimbangan sesetengah individu yang ingin menyelesaikan pinjaman rumah dengan lebih cepat bagi mengelakkan faedah tinggi yang dikenakan bank.


"Lebih baik biarkan duit anda berkembang dalam KWSP pada kadar yang lebih tinggi. Dividen KWSP akan berkembang secara kompaun, dan pada satu tahap nanti, anda boleh gunakan sebahagian daripadanya untuk menyelesaikan pinjaman sepenuhnya," katanya.

Menurutnya, prinsip utama dalam melangsaikan hutang ialah dengan memberi keutamaan kepada pinjaman yang mempunyai kadar faedah lebih tinggi seperti pinjaman peribadi, kad kredit atau pinjaman kenderaan.

"Kalau anda nak selesaikan hutang dengan cepat, fokus kepada hutang dengan kadar faedah tinggi seperti personal loan, hutang kad kredit atau pinjaman kereta. Untuk pinjaman rumah, kadar faedahnya lebih rendah walaupun jumlahnya besar.

Kalau anda hanya ada RM10,000 dalam akaun KWSP dan ingin guna untuk bayar pinjaman rumah, ia tak akan memberi kesan yang signifikan pun," jelasnya.

Faiz turut memberi peringatan kepada orang ramai supaya berhati-hati dengan saranan yang menyarankan mereka menggunakan wang KWSP untuk membeli rumah, terutama daripada pihak yang berkepentingan.




Malaysia's RM5.7 Million Plate In The UK

The Malaysian Embassy in the UK possesses the highly valuable '1M' car plate, which has been estimated to be worth over RM5.7 million, placing it among the most expensive number plates in the country.

This exclusive plate was specially issued to the embassy and is strictly non-transferable, meaning it cannot be sold or used by anyone other than the embassy itself.

Over the years, the '1M' plate has been spotted on various embassy-owned vehicles, including London taxis and high-end models like the Mercedes-Benz S-Class.



Opah's RM6 Kuih Raya Delight

In Perak, a kind-hearted Malaysian grandmother, or "Opah," sells homemade Kuih Raya for just RM6 per jar, making festive treats affordable for the community.

Despite rising costs, she continues her passion for baking, ensuring that everyone can enjoy traditional delicacies without spending too much.



Free Baju Raya For Those In Need

A kind-hearted Malaysian has been praised for providing free Baju Raya to those in need, ensuring that everyone can celebrate Hari Raya with dignity and joy.

This generous initiative helps underprivileged individuals and families who may not have the means to buy new festive clothing.

Read more at www.rojakdaily.com.